

## Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-181

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-181 bertarikh 27 Oktober 2017 telah memutuskan perkara berikut:

### 1) Amalan perlindungan insurans bagi pembiayaan *ijarah*

#### Keputusan MPS

MPS memutuskan bahawa bagi tahun pertama pembiayaan *ijarah*, institusi kewangan Islam (IKI) hendaklah memastikan takaful menjadi pilihan pertama bagi pelan perlindungan. IKI hendaklah sedaya mungkin mengesyorkan perlindungan takaful bagi tahun kedua pembiayaan dan seterusnya. Pelanggan diberi kelonggaran untuk mengambil perlindungan insurans dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Perlindungan takaful tidak ditawarkan bagi sektor atau kelas tertentu;
- ii. Permohonan pelanggan tidak diterima oleh kesemua pengendali takaful; atau
- iii. Kos perlindungan insurans adalah lebih kompetitif secara signifikan berbanding kos perlindungan takaful.

MPS turut bersetuju sekiranya pelan insurans diambil disebabkan keadaan-keadaan di atas, jumlah premium insurans tersebut boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada jumlah pembiayaan *ijarah*.

#### Latar Belakang


- Berdasarkan prinsip Syariah, pembiayaan secara Islam perlu dilindungi oleh pelan perlindungan takaful. Namun, terdapat kelonggaran dalam keadaan tertentu yang membenarkan pelanggan untuk mengambil perlindungan insurans. Sungguhpun begitu, memandangkan aset dalam pembiayaan *ijarah* adalah milik IKI, maka tanggungjawab IKI untuk memastikan aset kepunyaannya dilindungi oleh takaful menjadi lebih utama.
- Piawaian Syariah *Ijarah* menyatakan pemilik aset boleh mengambil perlindungan takaful bagi tujuan pengurusan risiko kerosakan dan kerugian.
 

*G 16.7 The lessor may mitigate specific risks relating to loss, damage or impairment of the leased asset through a takaful coverage.*
- Dalam konteks amalan semasa, terdapat kes aset *ijarah* dilindungi menerusi perlindungan insurans dan bukannya takaful.

#### Isu Syariah

- Adakah diharuskan pembiayaan *ijarah* dilindungi oleh perlindungan insurans.

#### Ilustrasi : Perkaitan antara pembiayaan dan perlindungan takaful / insurans



## Isu Utama Perbincangan MPS

### **Apakah amalan semasa berhubung perlindungan dalam ijarah?**

- Kebanyakan pembiayaan *ijarah* dilindungi menerusi perlindungan takaful.
- Namun, terdapat situasi pelanggan mengambil perlindungan insurans bagi pembiayaan *ijarah* khususnya bagi produk sewa beli kenderaan. Pendekatan ini diambil atas beberapa pertimbangan berikut:
  - i. Pilihan terletak di tangan pelanggan sama ada ingin mengambil perlindungan takaful ataupun insurans;
  - ii. Pihak pengedar kenderaan mempunyai panel insurans tersendiri bagi urusan perlindungan kenderaan;
  - iii. IKI hanya memberi penekanan terhadap perlindungan takaful bagi tahun pertama pembiayaan sahaja tanpa memberi penekanan untuk mengekalkan perlindungan takaful tersebut bagi tahun-tahun berikutnya;
  - iv. Bilangan pelanggan yang ramai menimbulkan kesukaran terhadap IKI untuk memantau dan memastikan semua pelanggan mengambil perlindungan takaful sepanjang tempoh pembiayaan. Tambahan pula, kos perlindungan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan; atau
  - v. Terdapat syarikat insurans menawarkan perlindungan pada harga yang lebih kompetitif kepada pelanggan.

### **Adakah dibenarkan aset ijarah dilindungi oleh insurans?**

- Secara prinsipnya, aset *ijarah* hendaklah dilindungi oleh perlindungan takaful. Penekanan ini juga dapat memperkukuhkan lagi industri takaful dan pembangunan sektor kewangan Islam.
- Namun, wujud situasi tertentu yang menimbulkan kesukaran pelanggan untuk mendapatkan perlindungan takaful bagi aset *ijarah*. Oleh itu, pelanggan sepatutnya diberikan kelonggaran untuk mengambil perlindungan insurans atas faktor-faktor berikut:
  - i. Perlindungan takaful tidak ditawarkan bagi sektor atau kelas tertentu;
  - ii. Permohonan pelanggan tidak diterima oleh kesemua pengendali takaful; atau
  - iii. Kos perlindungan insurans adalah lebih kompetitif secara signifikan berbanding perlindungan takaful.
- Pendekatan ini mengambil kira faktor tahap kesediaan pengendali takaful menawarkan produk tertentu dan kepakaran dalam kelas tertentu. Ini sesuai dengan Hadis Rasulullah SAW:

فإذا أمرتكم بشيء فأتوا منه ما استطعتم ، وإذا نهيتكم عن شيء فدعوه<sup>1</sup>

*“Apabila aku perintahkan kamu dengan sesuatu maka turutinya semampu kamu dan apabila aku melarang kamu akan sesuatu maka hindarilah ia”.*

<sup>1</sup> Muslim, *Sahih Muslim*, Dar al-Mughni, 1998, h. 698, hadis no. 412.

- Ini juga selari dengan kaedah fiqh berikut:

المشقة تجلب التيسير<sup>2</sup>

“Kesukaran membawa kepada keringanan”

**Adakah amaun pembayaran premium insurans boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada jumlah pembiayaan *ijarah*?**

- Sepertimana yang dinyatakan di atas, terdapat keadaan yang membolehkan perlindungan insurans diambil bagi melindungi aset *ijarah*. Dalam keadaan tersebut, bayaran premium boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada jumlah pembiayaan *ijarah*.

**Adakah terdapat pandangan yang membenarkan aset *ijarah* dilindungi oleh insurans sekiranya kos perlindungan insurans lebih kompetitif berbanding takaful?**

- Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memutuskan bahawa aset *ijarah* hendaklah dilindungi oleh perlindungan takaful. Walau bagaimanapun, sekiranya pengendali takaful tidak mempunyai kapasiti bagi menampung keperluan perlindungan tersebut [atau tidak berdaya maju secara komersial (*not commercially viable*)], maka aset *ijarah* tersebut boleh dilindungi menggunakan insurans konvensional.<sup>3</sup>

## Asas Pertimbangan

- Kontrak pembiayaan *ijarah* dan kontrak perlindungan insurans adalah dua kontrak yang berbeza dan berasingan. Sehubungan itu, tiada halangan untuk aset *ijarah* dilindungi oleh perlindungan insurans.
- Insurans yang diambil adalah untuk melindungi penyewa daripada liabiliti yang berkaitan dengan risiko penggunaan aset.
- Terdapat kesukaran (*masyaqqah*) bagi pihak IKI untuk memantau semua pelanggan. Jika keperluan terhadap pelan perlindungan bagi pembiayaan *ijarah* hanya terhad kepada takaful sahaja, ia akan menimbulkan kesan perundangan kerana pelanggan mungkin akan memilih perlindungan insurans berbanding takaful.
- Pendekatan memberi kelonggaran kepada pelanggan mengambil perlindungan insurans mengambil kira beberapa faktor antaranya tahap kesediaan pengendali takaful menawarkan produk takaful kepada semua jenis aset *ijarah*, kepakaran pengunderaitan oleh pengendali takaful dalam kelas risiko tertentu dan sebagainya.

<sup>2</sup> Al-Suyuti, *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-`Ilmiah, 1983, h. 76 - 77.

<sup>3</sup> Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, h. 38.

2) Pihak yang menanggung risiko sekiranya jumlah pampasan takaful / insurans tidak mencukupi untuk menampung baki pembiayaan *ijarah* dalam kes kerosakan keseluruhan (*total loss*)

## Keputusan MPS

MPS memutuskan bahawa pelanggan boleh berjanji untuk menanggung kerosakan keseluruhan aset *ijarah* dan menampung kekurangan baki amaun pembiayaan. Dalam hal ini, sekiranya jumlah pampasan takaful / insurans tidak mencukupi untuk menampung baki pembiayaan *ijarah* dalam kes kerosakan keseluruhan (*total loss*), berdasarkan kepada janji yang telah diberikan, maka pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk menampung kekurangan tersebut.


## Latar Belakang

- Dalam menguruskan pelbagai risiko terhadap aset dan penggunaan aset *ijarah*, pelanggan bersetuju mengambil perlindungan takaful, dan dalam kes tertentu mengambil perlindungan insurans.
- Namun, dalam polisi takaful/insurans bagi kes kerosakan keseluruhan (*total loss*), pengendali takaful / syarikat insurans akan hanya membayar pampasan sama ada mengikut nilai pasaran aset atau nilai dilindungi (*sum insured*), yang mana lebih rendah.
- Dalam hal ini, wujud situasi nilai pampasan yang diperoleh tidak dapat menampung keseluruhan jumlah baki pembiayaan *ijarah* yang belum dibayar.

## Isu Syariah

- Siapakah yang bertanggungjawab untuk menanggung baki amaun belum bayar dalam pembiayaan *ijarah* sekiranya pampasan takaful / insurans tidak mencukupi.
- Faktor yang diambil kira dalam membincangkan isu ini:
  - i. Aset *ijarah* adalah hak milik IKI.
  - ii. Dalam kes kerosakan keseluruhan, akad jual beli (pada akhir tempoh pembiayaan) tidak dapat dilaksanakan disebabkan aset *ijarah* sudah tiada nilai atau sudah tidak lagi wujud.

**Ilustrasi :**  
Perbezaan antara jumlah pembiayaan dan manfaat takaful



## Isu Utama Perbincangan MPS

### Adakah prinsip *wa`d* untuk menanggung kerosakan keseluruhan adalah menyalahi tujuan akad *ijarah*?

- Berdasarkan kepada perbincangan fuqaha silam, tujuan akad *ijarah* ialah penyewa mendapat manfaat daripada aset yang disewakan dan pemberi sewa memperoleh bayaran sewaan ke atas manfaat aset. Oleh itu, janji daripada pelanggan untuk menanggung kerosakan keseluruhan aset *ijarah* adalah dibenarkan kerana ianya tidak mengganggu tujuan akad *ijarah*.

### Apakah pertimbangan bagi membolehkan pelanggan dipertanggungjawabkan untuk membayar baki jumlah pembiayaan *ijarah*?

- Pertimbangan untuk mengaplikasikan konsep *wa`d* mengambil kira faktor-faktor berikut:
  1. *Wa`d* merupakan salah satu konsep yang diterima oleh Syarak dan diamalkan secara meluas dalam kebanyakan produk kewangan.
  2. Walaupun aset *ijarah* adalah milik pemberi sewa, namun pihak berkontrak boleh bersetuju bahawa penyewa sepatutnya menanggung kos takaful/insurans dan aturan ini tidak menyalahi tujuan akad *ijarah*.
  3. Aset *ijarah* terutamanya aset boleh alih (*movable asset*) berada dalam penguasaan dan kawalan penyewa sepanjang tempoh *ijarah*. Kebanyakan risiko yang timbul dalam konteks ini adalah berkait rapat dengan penggunaan aset oleh penyewa walaupun tidak dinafikan turut terdapat kemungkinan kes yang tidak melibatkan kecuaiannya.

## Asas Pertimbangan

- Walaupun aset *ijarah* adalah milik pemberi sewa, namun pihak berkontrak boleh bersetuju bahawa penyewa sepatutnya menanggung kos takaful/insurans dan aturan ini tidak menyalahi tujuan akad *ijarah*. Ini berdasarkan hadis:<sup>4</sup>

المسلمون على شروطهم إلا شرطاً أحل حراماً أو حرم حلالاً

“(Urusan) orang Islam adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang (dipersetujui) oleh mereka, kecuali syarat-syarat menghalalkan apa yang haram atau mengharamkan apa yang halal.”

Pendekatan ini juga selari dengan kaedah fiqh yang berikut:<sup>5</sup>

الأصل رضی المتعاقدين ونتيجته هي ما التزماد بالتعاقد

“Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan (hak dan tanggungjawab) yang telah mereka persetujui dalam akad.”

- Dalam dokumentasi *ijarah* juga menyatakan persetujuan supaya penyewa mengambil perlindungan yang mencukupi bagi menampung baki amaun pembiayaan *ijarah* pada satu-satu masa.

<sup>4</sup> Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, h. 398, hadis no. 3594.

<sup>5</sup> Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.

- Pertimbangan ini mengambilkira aspek komersial dalam pembiayaan *ijarah*, yang mana penentuan harga sewaan telah mengambilkira keseluruhan risiko dan tanggungan pihak-pihak berkontrak dalam membuat persetujuan untuk memeterai perjanjian. Di samping itu, aspek kesukaran pemilik aset untuk memantau dan memastikan setiap penyewa untuk mematuhi terma dan syarat perjanjian pada setiap masa sepanjang tempoh pembiayaan juga diambilkira.

### 3) Jenis-jenis kerosakan yang boleh membawa kepada penamatan kontrak *ijarah*

#### Keputusan MPS

MPS memutuskan bahawa kerosakan yang memberi kesan kepada kontrak *ijarah* adalah kerosakan yang utama secara berkekalan yang menghalang pelanggan daripada menikmati keseluruhan manfaat aset *ijarah*. Berikut adalah kesan daripada kerosakan tersebut:

- i. kontrak *ijarah* adalah terbubar (*fasakh*); atau
- ii. pihak yang berkontrak boleh bersetuju untuk meneruskan kontrak *ijarah* dengan penggantian aset *ijarah* baharu atau pembaikan ke atas aset sedia ada.

#### Latar Belakang

- Piawaian Syariah *Ijarah* menyatakan bahawa penyewa mempunyai hak untuk memfasakhkan kontrak atau meminta untuk diganti aset *ijarah* yang baharu sekiranya sebarang kerosakan ke atas aset *ijarah* disedari oleh penyewa selepas pemelesaian kontrak *ijarah*.

#### Isu Syariah

- Apakah kerosakan yang memberikan hak kepada penyewa untuk memfasakhkan kontrak?

#### Isu Utama Perbincangan MPS

***Apakah pandangan fuqaha silam berhubung jenis kerosakan yang memberikan hak kepada penyewa untuk membatalkan kontrak (fasakh)?***

- Fuqaha berpandangan bahawa pembatalan kontrak *ijarah* hanya boleh berlaku dalam kes kerosakan utama yang menghilangkan keseluruhan manfaat yang menjadi subjek akad.<sup>6</sup>

#### Asas Pertimbangan

- Penyewa mempunyai hak untuk membatalkan kontrak *ijarah* atau meminta penggantian aset sekiranya berlaku kerosakan yang utama secara berkekalan yang menyebabkan penyewa tidak dapat menikmati keseluruhan manfaat aset tersebut.
- Pandangan ini selari dengan pandangan fuqaha yang menyatakan sekiranya terdapat kerosakan pada aset *ijarah* sepanjang tempoh berakad, yang menyebabkan manfaat tidak dapat dinikmati oleh penyewa, maka penyewa mempunyai hak untuk *fasakh*.

<sup>6</sup> Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, j. 1, h. 271.

#### 4) Isu *force majeure* dalam kontrak *ijarah*

##### Keputusan MPS

MPS bersetuju bahawa hukum asal bagi kos penyelenggaraan dan kos takaful / insurans bagi aset *ijarah* adalah ke atas pemilik. Namun begitu, pihak-pihak yang berkontrak boleh berunding dan bersetuju dalam menentukan pihak yang akan menanggung kos-kos tersebut termasuklah kos perlindungan bagi situasi *force majeure*. Sekiranya berlaku situasi *force majeure* di luar daripada cakupan pelan perlindungan yang ditawarkan oleh pengendali takaful / syarikat insurans di pasaran, maka ianya menjadi tanggungjawab IKI sebagai pemilik aset untuk menanggung kerugian tersebut.

Beban pembuktian adalah tanggungjawab penyewa dan sekiranya penyewa gagal membuktikan ketidakcuaannya, maka penyewa perlu bertanggungjawab ke atas kerosakan aset *ijarah* tersebut.

##### Latar Belakang

- Berdasarkan polisi dokumen *ijarah*, sekiranya berlaku kerosakan disebabkan oleh *force majeure*, pemilik aset bertanggungjawab untuk membaiki aset *ijarah* tersebut.
- Dalam hal ini, IKI terdedah kepada risiko yang tinggi berhubung situasi *force majeure* sedangkan aset *ijarah* terutamanya aset boleh alih berada dalam penguasaan dan kawalan penyewa.

##### Isu Syariah

- Sejauh mana tanggungjawab pemilik ke atas aset *ijarah* yang disewakan dalam situasi *force majeure*?

##### Isu Utama Perbincangan MPS

###### **Apakah maksud Force Majeure?**

Satu peristiwa yang tidak dapat dielakkan dan di luar kawalan munasabah pihak yang berkontrak, yang boleh menghalang pihak-pihak daripada memenuhi kewajiban mereka di bawah kontrak.

Contoh situasi *force majeure* ialah:<sup>7</sup>

- Kejadian di luar kawalan manusia (*act of God*), seperti gempa bumi, puting beliung, banjir, kilat, taufan dan bencana alam yang lain;
- Kejadian di atas tindakan manusia (*act of man*), seperti perang (diisytiharkan ataupun tidak), pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan antara negara-negara, tindakan keganasan, mogok, pemberontakan awam atau rampasan kuasa tentera, pencemaran nuklear, sekatan perdagangan dan rampasan oleh kerajaan.

###### **Apakah implikasi force majeure ke atas industri?**

- Berdasarkan perbincangan dengan pihak industri, terdapat beberapa isu yang dikemukakan berhubung *force majeure*:

<sup>7</sup> World Bank Group, Force Majeure Clauses – Checklist and Sample Wording, the World Bank, <http://ppp.worldbank.org/ppp/library/force-majeure-clauses-checklist-and-sample-wording>, 19 Oktober 2017.

- i. Ketiadaan definisi yang jelas berhubung *force majeure* menurut perspektif undang-undang;
  - ii. Ketidakjelasan berhubung pihak berautoriti yang boleh mengisytiharkan situasi *force majeure* jika ianya terjadi; dan
  - iii. Pada masa ini, tiada syarikat takaful yang mempunyai kepakaran sepenuhnya dalam kelas *force majeure*.
- Sehubungan itu, produk berasaskan *ijarah* akan menjadi kurang mendapat sambutan berbanding produk berasaskan kontrak lain seperti *tawarruq* atau produk konvensional. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor berikut:
    - a. IKI akan terdedah kepada risiko yang lebih tinggi;
    - b. Potensi kes risiko moral (*moral hazard*) oleh pelanggan seperti tuntutan palsu;
    - c. Peningkatan kos operasi seperti kos dokumentasi; dan
    - d. Harga yang lebih tinggi akan dikenakan ke atas pelanggan.

### Asas Pertimbangan

- Aset *ijarah* adalah di bawah pemilikan pemberi sewa. Oleh itu, sekiranya perlindungan takaful atau insurans tidak ditawarkan bagi kes terpencil dalam kategori *force majeure*, maka pemilik aset bertanggungjawab ke atas kerosakan yang berlaku.
- Berdasarkan persetujuan dalam kontrak *ijarah*, penyewa/pelanggan adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan perlindungan takaful atau insurans yang ditawarkan di pasaran. Pendekatan ini selari dengan hadis Rasulullah SAW:

المسلمون على شروطهم إلا شرطاً أحل حراماً أو حرم حلالاً<sup>8</sup>

“Orang Islam terikat dengan syarat-syarat yang dipersetujuinya kecuali syarat yang menghalalkan perkara haram atau mengharamkan perkara halal.”

- Wujud unsur penindasan dan ketidakadilan ke atas penyewa sekiranya dikehendaki mengambil sesuatu pelan takaful / insurans sedangkan perlindungan risiko tersebut tidak ditawarkan di pasaran.

*Keputusan ini berkuatkuasa mengikut tarikh penguatkuasaan Dokumen Polisi Ijarah, iaitu pada 1 Ogos 2018.*

<sup>8</sup> Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, h. 398, hadis no. 3594.